



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

GARIS PANDUAN

DANA PENGKOMERSIALAN

No. Isu	No. Semakan	Tarikh Kuatkuasa
01		23/04/2026

1.0 PENGENALAN

Dana pengkomersialan diwujudkan untuk membantu penyelidik dalam merencanakan agenda pengkomersialan harta intelek dan teknologi Universiti Kebangsaan Malaysia. Dana ini adalah kesinambungan kepada agenda pemerkasaan pengkomersialan dalam kalangan warga universiti.

2.0 KEGUNAAN DANA PENGKOMERSIALAN

Dana pengkomersialan disediakan adalah bagi tujuan:

- 2.1 Pembangunan Prototaip
- 2.2 Suntikan Modal Pengkomersialan
- 2.3 Program PEMULA@UKM

3.0 SYARAT UMUM

Pemohon perlu memenuhi syarat seperti berikut:

- 3.1 Permohonan dana ini terbuka kepada semua kakitangan akademik aktif kecuali yang sedang bercuti belajar atau dipinjamkan ke agensi luar.
- 3.2 Permohonan perlu berasaskan harta intelek, dan sekiranya pemohon bukan perekacipta utama, kebenaran daripada perekacipta utama perlu diperolehi terlebih dahulu.
- 3.3 Permohonan hanya dibenarkan bagi satu kategori dana sahaja bagi setiap harta intelek dalam satu masa.
- 3.4 Peruntukan dana ini adalah bersifat *one-off* dan tertakluk kepada peruntukan kewangan.

4.0 TEMPOH

- 4.1 Tempoh projek ialah enam (6) hingga 12 bulan, sebagaimana yang diluluskan oleh penilai.
- 4.2 Permohonan tambah masa boleh dipertimbangkan sekiranya projek masih aktif dan terdapat aktiviti yang masih belum dicapai. Permohonan perlu menggunakan Borang Permohonan Tambah Masa Projek (UKM-SPKP-PIK-PK03-BO13). Syarat-syarat permohonan adalah:

- a) Permohonan perlu dikemukakan selewat-lewatnya satu (1) bulan sebelum tarikh tamat projek;
- b) Penambahan masa hanya akan diberi sekali sahaja;
- c) Tempoh tambahan masa maksimum adalah enam (6) bulan sahaja; dan
- d) Setiap permohonan perlulah disokong dengan Laporan Kemajuan Dana Pengkomersialan yang terkini.

5.0 TATACARA DAN KEGUNAAN

5.1 PEMBANGUNAN PROTOTAIP

Dana ini diberikan kepada penyelidik yang memerlukan dana untuk membangunkan prototaip berskala kecil.

- i) Pemohon perlu menyertakan gambaran prototaip, pelan pembangunan, dan jumlah prototaip yang akan dihasilkan atau diedarkan.
- ii) Pemohon perlu menyertakan perincian perbelanjaan.
- iii) Tempoh masa bagi pembangunan prototaip tidak melebihi setahun.

5.2 SUNTIKAN MODAL PENGKOMERSIALAN

Dana ini diberikan kepada penyelidik yang mempunyai produk tersedia, telah mendapat tempahan dan memerlukan modal pembuatan. Kadar Dana tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Penilaian Dana Pengkomersialan.

- i) Pemohon perlu menyertakan prototaip produk yang telah dihasilkan.
- ii) Pemohon perlu menyertakan pesanan belian (*Purchase Order*) daripada pelanggan yang berpotensi.
- iii) Pemohon perlu menyertakan perincian perbelanjaan
- iv) Pemohon perlu menyertakan unjuran kewangan (3 tahun).

5.3 PROGRAM PEMULA@UKM

Dana ini diberikan kepada peserta program PEMULA@UKM yang memerlukan dana untuk membantu kos pembangunan dan pertumbuhan syarikat.

- i) Permohonan dibuka khusus kepada peserta program PEMULA@UKM sahaja.
- ii) Pemohon perlu menyertakan perincian perbelanjaan
- iii) Pemohon perlu menyertakan unjuran kewangan (3 tahun)

6.0 JAWATANKUASA PENILAIAN

6.1 Jawatankuasa Penilaian Dana Pengkomersialan (JKPDP) berhak memperakukan syarat-syarat tambahan atau pengecualian syarat-syarat utama sebelum Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan (JKP&P) yang dikendalikan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM) meluluskan sesuatu permohonan.

6.2 Keahlian Jawatankuasa Penilaian Dana Pengkomersialan (JKPDP) adalah ahli Mesyuarat Pengurusan INOVASI@UKM seperti berikut:

No.	Ahli Jawatankuasa
1.	Pengarah Pusat Inovasi dan Pemindahan Teknologi UKM
2.	Timbalan Pengarah Pusat Inovasi dan Pemindahan Teknologi UKM
3.	Ketua Pentadbiran Pusat Inovasi dan Pemindahan Teknologi UKM
4.	Penyelaras Unit Pengkomersialan/Wakil
5.	Penyelaras Unit Harta Intelek/Wakil

7.0 PERATURAN PERBELANJAAN

7.1 Tiada siling peruntukan ditetapkan bagi dana ini dan jumlah yang diluluskan adalah bergantung kepada keperluan projek untuk mencapai pengkomersialan dan/atau jumlah peruntukan yang ada. Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan akhir untuk sesuatu projek yang diperaku oleh JKPDP adalah bergantung kepada keputusan JKP&P.

7.2 Peruntukan bagi Dana Pengkomersialan adalah **terbuka** untuk apa-apa pembelian, pembayaran atau perolehan yang memenuhi kod perbelanjaan berikut:-

7.2.1 Vot11000 (Gaji untuk Pegawai/Pembantu Penyelidik (RO/RA))

- Pembayaran menerusi Vot ini **tidak dibenarkan**.

7.2.2 Vot21000 (Perjalanan dan Pengangkutan)

- Pembayaran bagi tujuan **persidangan tidak dibenarkan**.

7.2.3 Vot24000 (Sewaan)

- Pembayaran menerusi Vot ini **dibenarkan**.

7.2.4 Vot27000 (Bekalan dan Bahan Penyelidikan)

- Pembayaran menerusi Vot ini **dibenarkan**.

7.2.5 Vot 28000 (Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai)

- Pembayaran menerusi Vot ini **dibenarkan**.

7.2.6 Vot 29000 (Perkhidmatan Ikhtisas)

- Pembayaran menerusi Vot ini **dibenarkan**.

7.2.7 Vot35000 (Aksesori dan Peralatan)

- Pembelian komputer/telefon bimbit/tablet dan peralatan ICT **tidak dibenarkan**.

8.0 KEPUTUSAN

- 8.1 Keputusan permohonan Dana Pengkomersialan dimaklumkan kepada Ketua Projek selepas mendapat kelulusan mesyuarat JKP&P;
- 8.2 Sekiranya diluluskan, Ketua Projek akan menerima surat tawaran dan perlu menandatangani Surat Pengakuan Penerimaan; dan
- 8.3 Surat Pengakuan Penerimaan mesti dikembalikan kepada Urus setia Dana Pengkomersialan selewat-lewatnya 14 hari bekerja selepas pemakluman keputusan kepada pemohon.

9.0 PEMANTAUAN

9.1 Laporan Kemajuan

- 9.1.1 Ketua Projek bertanggungjawab menghantar Laporan Kemajuan projek melalui Sistem Maklumat Penyelidikan Universiti (SMPU) setiap enam (6) bulan;
- 9.1.2 Kemajuan projek dana ini akan dipantau oleh Pusat Inovasi dan Pemindahan Teknologi (INOVASI@UKM™) menurut carta perbatuan yang telah diluluskan; dan

9.1.3 Sebarang permohonan perubahan pada carta perbatuan dan belanjawan projek perlu diperaku dalam mesyuarat JKTD dan mendapat kelulusan daripada Pengarah INOVASI@UKM™.

9.2 Laporan Akhir

9.2.1 Laporan akhir projek perlu dikemukakan kepada Urus setia Dana Pengkomersialan tidak lewat dari dua (2) bulan selepas tarikh tamat projek melalui SMPU; dan

9.2.2 Ketua Projek dikehendaki membentangkan laporan akhir kepada INOVASI@UKM™ pada tarikh yang akan ditetapkan.

10.0 OUTPUT PROJEK

10.1 Pembangunan Prototaip

Projek hendaklah menghasilkan prototaip atau sampel produk seperti yang telah dinyatakan dan dijanjikan dalam cadangan projek.

10.2 Suntikan Modal Pengkomersialan

Projek hendaklah menghasilkan produk yang sedia untuk dikomersialkan, termasuk penyediaan jumlah sampel seperti yang telah dinyatakan dalam cadangan projek berserta dengan laporan prestasi jualan (atau unjuran jualan).

10.3 Program Pemula@UKM

Ketua Projek hendaklah mengemukakan laporan perbelanjaan bagi penggunaan Dana Pengkomersialan yang telah diluluskan dan laporan prestasi jualan.

11.0 LAIN-LAIN

11.1 KEAHLIAN PROJEK

Sekiranya Ketua Projek tidak dapat meneruskan projek di atas sebab-sebab tertentu seperti tamat perkhidmatan, digantung tugas, program sabbatical, menjalani sangkutan penyelidikan melebihi dua (2) bulan, masalah kesihatan atau meninggal dunia maka Ketua Projek/penyelidik bersama perlu mengisi Borang Permohonan Pertukaran/Memangku Ketua Projek/Penambahan Penyelidik Bersama (UKM-SPKP-PIKPK03-BO12).

12.0 PENGECUALIAN

12.1 Pertimbangan dan pengecualian terhadap syarat-syarat yang ditetapkan dalam garis panduan ini boleh diberikan berdasarkan keputusan JKP&P dan JKTDP.

13.0 PEMAKAIAN GARIS PANDUAN & TARIKH KUAT KUASA

13.1 Garis Panduan ini berkuat kuasa mulai tarikh kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan.

13.2 Pemakaian garis panduan ini tertakluk kepada perubahan yang dibuat oleh INOVASI@UKM dari semasa ke semasa. Garis panduan ini tidak terpakai/terbatal sekiranya berlaku sebarang perubahan arahan daripada INOVASI@UKM™.

Disediakan oleh:

Pusat Inovasi dan Pemindahan Teknologi

Universiti Kebangsaan Malaysia

LAMPIRAN 1

CARTA ALIR

